

Headline	Kejohanan boling Frim tawar RM13,600		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,173
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,519



## Kejohanan boling Frim tawar RM13,600

KEPONG - Kelab Sukan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM13,600 sempena Kejohanan Boling Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod pada 6 dan 7 Oktober ini.



Pengerusi penganjur kejohanan tersebut, Dr Siti Aishah Shamsuddin berkata, kejohanan diadakan di Ampang Superbowl Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi.

Ia bersempena meraikan 10 tahun pelantikan Abd Latif sebagai Ketua Pengarah Frim.

"Hadiah menarik menanti peserta termasuk johan keseluruhan akan menerima wang tunai RM5,000, piala kejohanan dan trofi.

"Tempat kedua bakal terima wang tunai RM3,000 dan trofi manakala tempat

ketiga dan keempat pula masing-masing bakal bawa pulang wang tunai RM2,000 dan trofi serta RM1,000," katanya.

Katanya, tempat kelima hingga ke-10 bakal menerima wang tunai masing-masing berjumlah RM800, RM700, RM600,

RM500, RM400 dan RM300.

Manakala tempat ke-11 hingga ke-15 masing-masing bakal bawa pulang wang tunai sebanyak RM150.

Beliau berkata, format perlawanan adalah dua sepasukan akan bermain lima permainan.

Kedudukan pasukan dan pusingan mengikut jadual ditetapkan penganjur.

"Ini kejohanan terbuka dan kepada yang berminat boleh hubungi talian 011-16374812 (Hamdan) atau 016-6038756 (Shah)," katanya.

**Hadiah menarik menanti peserta termasuk johan keseluruhan akan menerima wang tunai RM5,000, piala kejohanan dan trofi. Tempat kedua bakal terima wang tunai RM3,000 dan trofi manakala tempat ketiga dan keempat pula masing-masing bakal bawa pulang wang tunai RM2,000 dan trofi serta RM1,000."**

- Siti Aisyah